

Arroyo jamin selesai isu penderaan pendatang

BH - 8 SEP 2002

MANILA: Presiden Gloria Arroyo semalam memberi jaminan kepada rakyat Filipina beliau akan menyelesaikan isu dakwaan penderaan ke atas warga Filipina yang dihantar pulang dari Malaysia.

Dalam ucapan radio mingguan Arroyo turut menyeru penduduk bersatu membantu beribu warga Filipina yang pulang dari Malaysia selepas pelaksanaan undang-undang baru imigresen.

Beliau menegaskan akan bertindak segera berhubung laporan bahawa remaja berusia 13 tahun Filipina didera secara seksual di salah satu pusat tahanan Malaysia.

Tetapi beliau tidak menyalahkan kerajaan Malaysia berhubung situasi itu dan memuji Per-

dana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menanggukkan urusan penghantaran.

"Penting bagi seluruh negara bersatu dalam menangani isu ini," kata Arroyo, menjelaskan kelmarin beliau dan pemimpin kongres menggariskan strategi membantu mereka yang dihantar pulang.

Katanya negara perlu menumpukan kepada cara bagaimana melindungi mereka yang pulang dan baki warga Filipina di Sabah dan pada masa sama memastikan keadilan dalam kes pencabulan dialami mereka.

Ini merangkumi usaha Jabatan Luar mengumpulkan lebih banyak persaksian daripada mereka didakwa menjadi mangsa supaya ia boleh difailkan untuk

pendakwaan undang-undang di Malaysia, katanya.

Pejabat konsular Filipina juga akan memohon kebenaran melawat pusat tahanan bagi memberikan bantuan guaman kepada pelarian manakala Jabatan Luar akan meminta Malaysia memperbaiki keadaan di pusat terbabit.

Arroyo berkata kerajaan akan berusaha memastikan lebih ramai rakyat Filipina boleh bekerja secara sah di Malaysia, termasuk mengadakan perjanjian buruh yang lebih menguntungkan rakyat Filipina.

"Jabatan Luar akan membantu sesetengah pelarian mendapatkan dokumen berkaitan supaya mereka memperoleh permit kerja dan boleh kembali ke Malaysia," katanya. - AFP